

LAPORAN TAHUNAN 2020



KANDUNGAN

Perutusan Pengerusi PKNP	2 - 7
Ahli-Ahli Perbadanan PKNP	8
Carta Organisasi PKNP	9
Pengurusan PKNP	10
Laporan Pengurusan	11 - 37
Kalendar Tahun 2020	38 - 42
Laporan Dan Penyata Kewangan	

PERUTUSAN Pengerusi

Syukur ke hadrat Allah S.W.T atas limpah dan kurnia-Nya, saya bagi pihak Ahli-Ahli Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan PKNP yang berakhir pada 31 Disember 2020.

Memacu kembali ekonomi pascapandemik merupakan salah satu fokus PKNP untuk tahun 2021. Semestinya terkesan dengan wabak Covid - 19, PKNP kini menyusun semula strategi perniagaan untuk mendepani cabaran - cabaran bagi tahun 2021.

Bank Negara Malaysia mensasarkan pemulihan ekonomi secara beransur-ansur dalam lingkungan 6.0-7.0% bagi tahun 2021. Pertumbuhan ekonomi akan disokong oleh permintaan luar negeri yang lebih kukuh serta perbelanjaan swasta dan awam yang lebih tinggi. Tambahan pula, pelaksanaan program imunisasi kebangsaan Covid-19 dijangka menyokong ekonomi negara.

Namun, pemulihan ekonomi ini dijangkakan tidak sekata antara sektor ekonomi di negara ini. Pemulihan yang tidak sekata ini akan memberi kesan terutamanya melibatkan kehilangan pekerjaan dan penutupan perniagaan secara kekal terutama yang melibatkan sektor perkhidmatan.

PKNP sebagai salah satu agensi yang menyumbang kepada ekonomi Negeri Pahang akan terus beroperasi dengan mengamalkan penjimatan dalam perbelanjaan dan menyokong program - program yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Pahang.

Sektor Perindustrian

Iklim pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 2020 adalah yang paling getir walaupun Malaysia sepatutnya mencapai taraf negara maju berpendapatan tinggi pada 2020. Kelembapan pertumbuhan ekonomi adalah disebabkan beberapa faktor global dan domestik yang mana penularan wabak pandemik COVID-19 peringkat global sejak akhir tahun 2019 telah memberikan tekanan baharu kepada ekonomi Malaysia dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) hanya mencatatkan pertumbuhan amat sederhana pada 2019.

Kelembapan itu berterusan pada suku pertama tahun ini apabila KDNK hanya berkembang 0.7% untuk tempoh tiga (3) bulan pertama 2020, prestasi ekonomi terburuk negara sejak krisis kewangan global lebih sedekad lalu. Bagi suku ke-2/2020, ekonomi Malaysia terus menguncup pada kadar -17.1% seterusnya lebih kukuh pada suku ke-3/2020 dengan kadar -2.1%. Tekanan kembali muncul pada suku keempat 2020 akibat susulan beberapa langkah sekatan berikutan peningkatan jumlah kes COVID-19 baharu dengan nilai KDNK yang diunjurkan menguncup sekitar -3.0% hingga -3.8%.

Sektor Pembangunan Hartanah

Pada tahun 2020, PKNP menumpukan kepada pembangunan satu (1) projek komersial iaitu Projek Perumahan Chemperoh Fasa 1 di Janda Baik, Bentong yang melibatkan 71 unit rumah dan 4 projek berusahasama di Bandar Baru Chendor, Lipis, Jerantut dan Muadzam Shah.



Projek Perumahan Chemperoh melibatkan 71 unit rumah teres dan rumah berkembar 1 tingkat

Malah, PKNP turut terlibat dalam pelaksanaan pembangunan dua (2) projek di bawah geran peruntukan daripada Kerajaan Pusat melalui Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) di bawah projek sosio - ekonomi Rancangan Malaysia ke-11 iaitu Bengkel Rakyat Beserah dan Kedai Rakyat Kuala Kerdau di Temerloh.

Pada masa yang sama, PKNP turut terlibat dalam penyelarasan Projek PRE Prihatin dan Projek Kecil Berimpak Tinggi.

Sektor Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan

PKNP melalui Bahagian Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan (BPKK) terus memberi fokus untuk menambah nilai kepada para usahawan bumiputera dengan memberikan latihan dan kursus yang terkini bagi membudayakan generasi baru bumiputera selari dengan Pelan Strategik PKNP.

Antara program yang dijalankan melibatkan program berikut :-

1. Program Transformasi Keusahawanan PKNP
2. Latihan Keusahawanan
3. Program Pembangunan Komuniti
4. Program Pembangunan Akuapreneur Muda



Pengurus Bahagian Pembangunan Komuniti & Keusahawanan, Encik Nasry bin Kassim berucap dalam Program Transformasi Keusahawanan PKNP

Sektor Korporat (Komersial)

Sektor korporat juga memainkan peranan dalam menyumbang kepada sumber pendapatan PKNP. Berikut merupakan pencapaian anak-anak syarikat PKNP pada tahun 2020 berbanding tahun sebelumnya. :-

Anak Syarikat	Pendapatan (RM 'Juta)		Untung/Rugi (RM 'Juta)	
	2020	2019	2020	2019
RTSB	1.71	4.47	(9.98)	(1.77)
BCIC	0.56	1.30	(0.15)	0.03
RTDE	6.59	12.43	(1.39)	1.27
PASB	12.38	8.16	1.91	(1.48)
PMISB	0.62	0.92	0.01	0.56
RASB	0.67	0.72	0.024	0.095

Prospek & Perancangan Masa Depan

Bagi tempoh **2019 - 2026**, PKNP juga telah menetapkan **Perancangan Strategik jangka panjang** untuk memberi fokus kepada pelaksanaan strategi-strategi berikut:-

- Memantapkan penerokaan bisnes baru secara strategik serta mewujudkan Kumpulan PKNP yang tinggi daya saing;
- Memperkukuhkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan dan aset organisasi;
- Meningkatkan hasil jualan, sewaan dan pajakan aset hartanah;
- Memantapkan profesionalisme perancangan dan pengurusan pembangunan hartanah;
- Membudayakan integriti dan mengukuh pematuhan terhadap dasar dan prosedur organisasi;
- Mempunyai sistem penyampaian serta proses kerja bernilai tambah dan berinovasi;
- Meningkatkan kecekapan kawalan perundangan dan risiko dalam organisasi;
- Meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan melangkaui ekspektasi pelanggan;
- Memantapkan keupayaan pengurusan harta;
- Memperkasa jenama dan imej organisasi;
- Meningkatkan komitmen organisasi di dalam mendokong dan melaksana agenda kerajaan negeri;
- Membangunkan komuniti usahawan dan produk niaga yang kreatif, berdaya saing tinggi dan kompeten; dan
- Memperkasa kompetensi dan kesiagaan modal insan organisasi.

Prestasi Kewangan

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020, PKNP telah mencatatkan keuntungan bersih selepas cukai sebanyak 33.61 juta berbanding dengan pencapaian sebanyak RM 34.84 juta bagi tahun sebelumnya.

Manakala di peringkat kumpulan PKNP mencatatkan keuntungan 54.88 juta berbanding pada tahun 2019, kerugian / keuntungan sebanyak 30.35 juta. Secara ringkas, kedudukan kewangan PKNP dan Kumpulan bagi tahun 2019 dan 2020 adalah seperti di bawah :-

Ringkasan Penyata Pendapatan bagi tahun 31 Disember 2020

	Kumpulan		Perbadanan	
	2020	2019	2020	2019
	(RM Juta)		(RM Juta)	
Hasil urus niaga pertukaran	128.72	131.62	109.12	107.59
Hasil urus niaga bukan pertukaran	18.40	10.44	18.40	10.44
	147.12	142.06	127.52	118.03
Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai	72.92	52.18	51.70	55.96
Cukai	18.04	(19.93)	18.09	(19.22)
Zakat	-	(1.90)	-	(1.90)
Keuntungan/(kerugian) Bersih tahun semasa	54.88	30.35	33.61	34.84

Penghargaan

Tahun 2020 merupakan satu tahun yang mencabar bagi PKNP sebagai sebuah organisasi. Namun, PKNP telah mengharungi tahun ini dengan jayanya dan mencapai kejayaan yang tersendiri.

Justeru, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Ahli-Ahli Perbadanan, Pihak Pengurusan PKNP dan warga kerja Kumpulan PKNP yang telah melunaskan tanggungjawab dengan baik, melaksanakan amanah dengan tekun dan tetap berpegang teguh dengan integriti sebagai penjawat awam.

Bagi tahun 2021, saya berharap semua pihak terus mendukung misi dan visi PKNP, terus mengekalkan pencapaian bagi tahun 2020 dan melipatgandakan usaha demi kecemerlangan PKNP pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**Y.A.B. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY WAN ISMAIL
SSAP., DSAP., DIMP., SMP., AMP.**

*Pengerusi
Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang*



AHLI-AHLI PERBADANAN



YAB. Menteri Besar Pahang

Dato' Sri Wan Rosdy bin Wan Ismail
SSAP, DSAP, DIMP, SMP, AMP.



YB. Setiausaha Kerajaan Pahang

Dato' Sri Muhammad Safian bin Ismail
SSAP, SIMP, DSAP, DIMP, PUN, AAP, AMP.



YB. Penasihat Undang-Undang
Negeri Pahang

Dato' Sri Shamsulbahri bin Haji Ibrahim
SSAP, DSAP, AMP.



Pegawai Kewangan
Negeri Pahang

YH. Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar
SIMP, DSAP, DIMP, SMP.



Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Pahang

YH. Dato' Haji Fadzila bin Haji Salleh
DSAP, DIMP, SMP, AAP.



(Perantikan Melalui Seksyen 4(1)(e)
Enakmen PKNP (Pindaan 1990)

YH. Dato' Sri Kamaruddin bin Mohammed
SSAP, DSAP, DIMP.



Setiausaha Bahagian Pengurusan Aset Awam
Kementerian Kewangan Malaysia

Encik Ahmad Suhaimi bin Endut



Pengarah Kementerian Pembangunan Luar Bandar
Negeri Pahang

Y.H. Dato' Mohd A.Aruwan bin Ab .Aziz



Pengarah Urusan
DWA Advisory Sdn. Bhd.

YH. Dato' Wan Asmadi bin Wan Ahmad



Timbalan Pengarah Bahagian Penyelidikan
Kawalan & Penantuaan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi


Puan Rosmayuzi binti Musa




Ketua Pegawai Eksekutif PKNP

Encik Mohd Faizal bin Jaafar
SMP, AAP.

CARTA ORGANISASI



PENGURUSAN PKNP



LAPORAN PENGURUSAN

Laporan Pengurusan bagi tahun 2020 mengikut sektor :-

1.0 SEKTOR PERINDUSTRIAN

DATA-DATA PELABURAN 2020

- 1.1 Data-data statistik kelulusan lesen pengilang yang diluluskan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI) bagi tempoh **1987–2020 (September)** adalah seperti berikut :

a) Kelulusan Projek perkilangan = **651 projek**

b) Nilai Pelaburan Keseluruhan = **RM 61.08 billion**

(Pelaburan Tempatan : RM 11.61 billion)

(Pelaburan Asing : RM 49.47 billion)

c) Peluang pekerjaan diwujudkan = **90,830 orang**

* Rujuk perincian di **Lampiran I**

- 1.2 Sepanjang tempoh **Januari - September 2020**, bilangan projek yang telah mendapat kelulusan lesen pengilang oleh MITI di Negeri Pahang adalah sebanyak **24 projek** dengan nilai pelaburan berjumlah **RM3.13 billion**. Jumlah anggaran tenaga kerja yang akan diwujudkan adalah seramai **589 orang**.

- 1.3 Daripada jumlah tersebut, nilai Pelaburan Langsung Domestik (DDI) adalah sebanyak **RM 0.31 billion** manakala nilai Pelaburan Langsung Asing (FDI) adalah bernilai **RM 2.82 billion**.

2.0 NILAI PELABURAN ASING DI NEGERI PAHANG

2.1 Sehingga **September 2020** (bermula dari tahun 1987), jumlah pelaburan asing dalam aktiviti perkilangan di Pahang adalah bernilai **RM 49.47 billion**. Angka ini adalah berdasarkan kepada projek-projek yang beroperasi dan yang diluluskan tapak di Negeri Pahang mengikut rekod dan data yang dikumpul oleh MIDA.

2.2

Bagi tahun 2020 (Jun) , terdapat lima (5) pelaburan dari negara asing di Negeri Pahang seperti mana berikut :-

Negara Asing	Bil Projek	Nilai (RM' bill)
Singapura	1	0.0457
Jepun	1	0.0000*
Taiwan	2	0.0107
Lain-lain	1	0.0004
JUMLAH	5	0.0568

Sumber: MIDA sehingga Jun 2020

**Nota Syarikat daripada negara Jepun hanya melibatkan pertambahan produk tanpa melibatkan pertambahan kos dan pekerja.*

2.3 Senarai terkini pelabur bagi **Negara-Negara Asing** di Negeri Pahang boleh dirujuk sepertimana di **Lampiran II**.

3.0 PERSPEKTIF PELABURAN DALAM SEKTOR PERINDUSTRIAN 2020

Tidak dinafikan bahawa kelembapan pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 2020 dipengaruhi suasana ekonomi global yang mencabar berikutan kesan perang perdagangan antara Amerika Syarikat (AS) dan China yang bermula sejak 2019.

Pertumbuhan ekonomi yang sederhana terus menjadi perlahan pada awal tahun 2020 disebabkan oleh kemunculan dan penularan wabak pandemik Covid 19 yang mana memberi kesan kepada ekonomi global.

Namun begitu, dalam mendepani situasi yang amat sukar, kerajaan menyedari bahawa adalah penting bagi terus menarik untuk kedua-dua pelaburan langsung asing dan domestik untuk melabur di Malaysia.

Kenyataan ini telah ditegaskan oleh Menteri Kewangan Malaysia yang mana kerajaan telah memperuntukkan RM 1 bilion bagi menyediakan pakej insentif khas untuk Teknologi Nilai Tambah Tinggi.

Pada ketika ini, tumpuan kerajaan lebih kepada sektor yang berteknologi tinggi seperti bidang automasi dan digitalisasi seiring dengan kemajuan dan kecanggihan teknologi global yang mana Malaysia tidak mahu dilihat ketinggalan dalam kemajuan ini.

Dalam perkembangan lain, satu unit baharu iaitu Project Acceleration and Coordination Unit (PACU) telah ditubuhkan di bawah MIDA yang akan memudahkan proses kelulusan dan mempercepatkan pelaksanaan projek pengilangan.

Kewujudan unit ini dilihat sangat relevan dalam keadaan kelembapan ekonomi di Malaysia yang mana menjadi salah satu tarikan untuk para pelabur berpotensi untuk membuat pelaburan di Malaysia.

4.0 PROGRAM PROMOSI PELABURAN DI NEGERI PAHANG 2020

Usaha-usaha mempromosi tanah industri terus dipertingkatkan melalui kerjasama semua agen promosi Kerajaan Negeri yang berkaitan termasuk PKNP, MIDA, MITI, Unit Antarabangsa, Perbadanan Setiausaha Kerajaan (PSUK) dan lain-lain yang terlibat.

4.1 Mempergiatkan pertumbuhan ekonomi di kawasan Daerah Khas Gebeng

Negeri Pahang pada ketika ini telah mewujudkan empat (4) buah daerah kecil baharu termasuk Daerah Khas Gebeng yang telah diwartakan pada 21 November 2019 yang lalu yang melibatkan kawasan seluas lebih kurang 50,298 ekar termasuk Kawasan Perindustrian Gebeng seluas 7,500 ekar dan Pelabuhan Kuantan seluas lebih kurang 2,000 ekar.

Selain daripada merencanakan kemasukan aktiviti pelaburan di kawasan perindustrian sedia ada, antara pembangunan yang telah dirancang dalam tempoh lima (5) tahun di Daerah Khas Gebeng adalah termasuk pembangunan Hub Pentadbiran dan Komersial, Hub Industri Perakayuan, projek-projek berteknologi tinggi serta pengwujudan Bandar Aero Angkasa yang meliputi pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa.



Daerah Khas Gebeng antara inisiatif kerajaan Negeri Pahang untuk meningkatkan kemasukan aktiviti pelaburan

4.2 Perjanjian Pelaburan Thailand 2020

Kerajaan Negeri Pahang telah mengadakan Misi Pelaburan ke Thailand yang berlangsung pada 5 hingga 7 Mac 2020 di Bangkok, Thailand.

Program yang dinamakan Majlis Perjanjian Pelaburan Thailand 2020 ini telah diketuai oleh Menteri Besar Pahang, Y.A.B Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail.

Majlis Perjanjian Pelaburan Thailand 2020 ini menyaksikan PKNP memeterai perjanjian Jual Beli serta Memorandum Persefahaman dengan sebuah syarikat Thailand, AE Carbon Capital Sdn. Bhd. bagi membangunkan projek 'Industrial Eco Park' di dua (2) buah daerah iaitu di Bentong (Kawasan Perindustrian Bentong 2A) seluas 28.2 ekar serta di Daerah Bera iaitu seluas 50 ekar.

Dengan termeterainya perjanjian-perjanjian dengan syarikat pelabur tersebut, PKNP menjangkakan kemasukan nilai pelaburan dianggarkan berjumlah RM 700 juta ke Negeri Pahang.



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar menandatangani perjanjian jual beli dan memorandum persefahaman bersama AE Carbon Capital Sdn. Bhd.

4.3 Susulan terhadap projek-projek pelaburan berpotensi yang telah Menandatangani Perjanjian Persefahaman semasa Misi-Misi Pelaburan Kerajaan Negeri Pahang ke Singapura dan China

Pada tahun 2019, Kerajaan Negeri Pahang telah menganjurkan dua (2) misi perdagangan ke luar negara iaitu Pahang Investment Forum Singapore 2019 (31 Julai - 2 Ogos 2019) dan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersempena 16th China- Asean Expo (CAEXPO) Nanning, China (18 - 21 September 2019).

Beberapa projek pelaburan berpotensi telah direncanakan untuk dibangunkan di Negeri Pahang oleh pelabur-pelabur dari Singapura dan China dengan anggaran nilai pelaburan keseluruhan berjumlah RM 2.52 billion (7 buah projek).

Pada ketika ini, majoriti daripada projek-projek yang telah menandatangani MOU masih belum dimuktamadkan berikutan beberapa perkara terutamanya yang melibatkan tanah perlu diselesaikan terlebih dahulu. Selain itu, PKNP dan pelabur-pelabur berpotensi juga sedang memuktamadkan terma dan syarat sebelum kedua-dua pihak dapat memeterai perjanjian selanjutnya.

Dijangkakan sebahagian daripada tujuh (7) projek berpotensi tersebut akan dimuktamadkan dalam suku tahun pertama dan kedua 2021.

4.4 Projek Laluan keretapi Pantai Timur-East Coast Railway Link (ECRL)

Projek Laluan Keretapi Pantai Timur (ECRL) adalah projek infrastruktur landasan keretapi yang menghubungkan pantai barat Semenanjung Malaysia dengan sebelah pantai timur.

Dengan melibatkan jajaran sepanjang 640 km daripada Kelantan ke Pelabuhan Klang, kemajuan pembinaan projek ini setakat September 2020 adalah pada kadar 18.1% iaitu lebih cepat daripada yang dijadualkan.

Kemajuan projek ini yang terpaksa dihentikan pada Mac 2020 disebabkan Arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah disambung semula pada Mei 2020 dan diteruskan sehingga kini yang mana kerja-kerja tanah daripada Dungun, Terengganu ke Mentakab, Pahang sedang giat dibangunkan.

Dengan jumlah kos RM 44 bilion, projek dengan jajaran sepanjang 640 km akan disasarkan siap pada Disember 2026.

4.5 Penyediaan Pelan insentif pelaburan asing di Negeri Pahang

Projek Laluan Keretapi Pantai Timur (ECRL) adalah projek infrastruktur landasan keretapi yang menghubungkan pantai barat semenanjung Malaysia dengan sebelah pantai timur.

Dengan melibatkan jajaran sepanjang 640 km daripada Kelantan ke Pelabuhan Klang, kemajuan pembinaan projek ini setakat September 2020 adalah pada kadar 18.1% iaitu lebih cepat daripada yang dijadualkan.

Kemajuan projek ini yang terpaksa dihentikan pada Mac 2020 disebabkan Arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah disambung semula pada Mei 2020 dan diteruskan sehingga kini yang mana kerja-kerja tanah daripada Dungun, Terengganu ke Mentakab, Pahang sedang giat dibangunkan.

Dengan jumlah kos RM 44 bilion, projek dengan jajaran sepanjang 640 km akan disasarkan siap pada Disember 2026.

Satu bengkel khas yang diketuai oleh YB. Dato' Sri Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang telah diadakan pada 5 dan 6 November 2020 yang lalu bagi merangka pelan insentif pelaburan asing ini.

Bengkel yang melibatkan semua pengurusan tertinggi jabatan/agensi yang berkaitan di Negeri Pahang telah membincangkan secara terperinci empat (4) kategori insentif iaitu Premium Tanah, Cukai, Pemprosesan Projek dan Kluster Ekonomi Daerah.

Pada ketika ini, Kerajaan Negeri melalui Unit Antarabangsa, SUK sedang memperhalusi input-input yang telah dibentangkan sebelum dibentangkan sekali lagi untuk dijadikan garis panduan yang akan digunakan selaras dengan kemasukan pelaburan asing ke Negeri Pahang kelak

4.6 Tanjung Agas Maritime Park (TAMP), Pekan, Pahang Darul Makmur

Kemajuan pembangunan projek Tanjung Agas Maritime Park (TAMP) adalah positif dengan kemasukan bekalan elektrik interim pertama berkapasiti 35.6 MW serta pembangunan sistem bekalan air yang telah 100% disempurnakan pada April 2020 di bawah Projek Loji Air Ganchong Fasa 3A oleh Majlis Pembangunan Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECERDC).

Pelan induk perancangan pembangunan Kawasan Perindustrian Tg Agas secara keseluruhan melibatkan tempoh pembangunan selama 15 tahun yang mana pada Fasa Pertama (5 tahun) akan melibatkan pembangunan Terminal Persendirian, Fasiliti Marin serta pembaikpulihan hakisan dan perlindungan garisan pantai. Perancangan ini adalah berdasarkan kajian yang telah dibuat mengambilkira keperluan bakal-bakal pelabur yang memerlukan fasiliti marin dan terminal bagi tujuan logistik.

Dalam usaha untuk merealisasikan penubuhan Kompleks Terminal Bersepadu di Kawasan Perindustrian Tg Agas, PKNP dan TGA Solutions Sdn. Bhd. pada ketika ini sentiasa giat mempromosi projek tersebut disamping mengenalpasti rakan niaga yang berpotensi terutamanya yang telah membuat pelaburan di Negeri Pahang.



Lawatan tapak ke Tanjung Agas Maritim Park (TAMP) oleh Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang, Yang Berhormat Dato' Sri Norolazali bin Sulaiman

5.0 PERANAN PKNP SELAKU AGEN PROMOSI SEKTOR PERKILANGAN DI NEGERI PAHANG

PKNP juga telah mengambil langkah proaktif dengan mempergiat promosi atas talian melalui aplikasi Portal OSA PKNP (www.investinpahang.gov.my) yang mana sehingga 31 Disember 2020, portal ini telah berjaya mencatatkan pelawat seramai **335,882 orang** pelawat daripada 90 buah negara. Ini telah mencatatkan peningkatan pelawat sebanyak 2.3% dalam tempoh setahun.

PKNP dari semasa ke semasa sentiasa berusaha untuk memperbaiki mutu perkhidmatan bagi meningkatkan imej PKNP di kalangan para pelabur.

Selaku Pusat Hentian Setempat (**One Stop Agency**) dalam Sektor Perkilangan Negeri Pahang, PKNP sentiasa memandang berat permasalahan yang dihadapi oleh pelabur dengan cara membantu mempercepatkan urusan yang berkaitan dengan aktiviti pelaburan mereka yang berkaitan dengan mereka dengan mengatur mesyuarat-mesyuarat antara jabatan/agensi teknikal Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pelabur.

PKNP juga sentiasa turut serta dalam program-program yang melibatkan pelabur di peringkat kerajaan Negeri termasuk menyertai misi-misi perdagangan dan aktiviti-aktiviti yang melibatkan urusan pelaburan.

Dalam usaha untuk meningkatkan hubungan korporat antara PKNP dan pelabur, beberapa aktiviti dijangka akan diadakan pada tahun 2021 selaras dengan norma baharu antaranya adalah misi pelaburan maya, lawatan fasilitasi ke kilang-kilang pelaburan di seluruh Negeri Pahang, 'Networking Dinner' bersama potensi rakan niaga dan lain-lain.

Aktiviti berbentuk kesukanan juga dirancang untuk diadakan termasuk Kejohanan Golf Mesra Pelabur 2021 walau bagaimanapun tertakluk kepada situasi semasa.

Lampiran I

BILANGAN PROJEK PERKILANGAN YANG DILULUSKAN OLEH MITI DI NEGERI PAHANG DARI 1987- 2020 (September)			
Tahun	Bil Projek	Peluang Pekerjaan	Nilai Pelaburan (RM Juta)
1987	7	3,540	177.1
1988	21	9,501	672.3
1989	14	2,828	848.6
1990	18	3,616	517.0
1991	11	3,748	130.4
1992	12	1,807	811.9
1993	14	2,029	1,541.3
1994	18	7,275	561.4
1995	19	2,420	423.7
1996	26	3,374	1,718.5
1997	21	2,562	3,066.2
1998	30	2,331	2,462.5
1999	14	2,599	328.2
2000	25	2,362	2,830.4
2001	22	2,645	347.2
2002	13	701	271.3
2003	17	2,476	925.4
2004	18	1,571	994.7
2005	18	1,870	2,203.17
2006	33	1,680	1,792.56
2007	28	1,467	1,563.76
2008	23	2,441	1,080.80
2009	17	943	604.8
2010	13	745	1,038.7
2011	25	1,392	3,037.9
2012	16	1,850	2,091.1
2013	17	1,378	2,818.8
2014	18	4,295	5,200.4
2015	12	477	1,073.0
2016	19	1,328	883.1
2017	19	5,041	2,962.0
2018	15	4,630	8,028.4
2019	34	3,319	4,943.0
2020 (September)	24	589	3,126.3
JUMLAH	651	90,830	60,766.6

Sumber: MIDA sehingga September 2020

Lampiran II

NILAI PELABURAN ASING YANG DILULUSKAN SEHINGGA 1987 – 2020 (Jun)			
NEGARA ASING	BIL PROJEK*	NILAI PROJEK (RM' JUTA)	JUMLAH PEKERJAAN
GERMANY	36	5,388.79	4,110
UNITED KINGDOM	26	686.4	2,333
USA	32	3,728.6	3,396
JAPAN	67	5,440.56	8,571
NORWAY	3	234.2	322
SINGAPORE	55	738.66	8,834
BELGIUM	1	8.8	90
TAIWAN	36	418.5	10,855
CHINA	30	14,123.5	10,862
SWITZERLAND	3	125.8	290
FRANCE	5	16.8	408
SWEDEN	3	5.01	218
RUSSIA	1	12.0	81
LIECHTENSTEIN	3	107.5	373
NETHERLANDS	14	467.8	581
THAILAND	5	32.1	264
KOREA	17	345.18	1,546
AUSTRALIA	17	700.9	1,348
INDIA	12	356.3	1,342
EGYPT	1	14.2	150
ITALY	15	184.9	1,282
CAYMEN ISLAND	1	7.6	192
PAKISTAN	1	0.98	24
BRITISH VIRGIN ISLAND	2	872.5	404
NEW ZEALAND	1	1.6	20
SRI LANKA	2	20.3	897
INDONESIA	6	439.7	1,214
CANADA	6	89.3	474
DENMARK	2	15.1	160
HONG KONG	20	1,672.08	10,599
FINLAND	2	195.2	238
IRAN	1	7.3	22
LUXEMBOURG	1	14.5	33
TURKEY	1	17.14	218
UNITED ARAB EMIRATES	2	44.2	132
REPUBLIK KESATUAN SLOVAK	1	8.4	95
LAIN-LAIN NEGARA	66	11,305.12	9,742
JUMLAH	497	47,981.55	82,313

Sumber: MIDA sehingga Jun 2020

2.0. SEKTOR HARTANAH

2.1 Projek Komersial

Pada tahun 2020, terdapat satu (1) Projek Komersial sahaja masih dalam pembinaan iaitu Projek Perumahan Chemperoh Fasa 1 di Janda Baik, Daerah Bentong yang merangkumi 71 unit rumah.



Projek Perumahan Chemperoh di Janda Baik, Bentong

Bil	Cadangan Projek	Komponen/ Jenis Pembangunan	Jumlah Unit	Status 2020
1.	Perumahan Chemperoh Fasa I	Rumah Sesebuah	6	Projek masih dalam pembinaan.
		Rumah Berkembar	39	Kemajuan kerja sehingga Disember 2020 telah mencapai 93%.
		Rumah Teres 1 Tingkat	26	
JUMLAH			71	

2.2 Projek Usahasama

Pada 11 Disember 2020, PKNP telah menandatangani Perjanjian Usahasama bagi Cadangan Pembangunan 171 unit rumah di Bandar Baru Chendor, Daerah Kuantan, Pahang bersama Syarikat Majutera Makmur Sdn. Bhd. Di samping itu, Syarikat Majutera Makmur Sdn. Bhd. juga telah menjelaskan bayaran "Commitment Fees" berjumlah RM 1 juta yang juga diambilkira sebagai bayaran sebahagian pulangan kepada PKNP bagi keseluruhan empat (4) fasa pembangunan.

Walau bagaimanapun, satu (1) projek lagi yang dicadangkan untuk berusahasama dengan Syarikat Majutera Makmur Sdn. Bhd. iaitu Projek Perumahan di Bandar Muadzam Shah, Daerah Rompin, Pahang telah ditangguhkan.

Selain itu, PKNP juga telah mengeluarkan Iklan Tawaran Usahasama pada 26 November 2020 bagi mempelawa Pemaju-Pemaju Hartanah yang berminat bagi membangunkan dua (2) cadangan projek berikut :-

- i. Cadangan Pembangunan 300 Unit Rumah di atas Sebahagian Tanah Hakmilik PKNP Seluas 56.426 ekar, di Taman Saujana Utama Jerantut, Mukim Pedah, Daerah Jerantut, Pahang Darul Makmur.



21 unit rumah teres 1 tingkat telah siap di bina di TSU perumahan Jerantut

- ii. Cadangan Pembangunan 93 Unit Rumah Di atas Tanah Hakmilik PKNP Seluas 11.105 Ekar, di Berchang, Mukim Telang, Daerah lipis, Pahang Darul Makmur.

Status bagi projek-projek untuk cadangan usahasama tersebut di atas adalah sepertimana jadual di bawah :-

Bil	Cadangan Projek	Komponen/ Jenis Pembangunan	Unit	Status 2020
1.	Perumahan Bandar Baru Chendor 22.288 Ekar	Rumah Sesebuah Rumah Berkembar Rumah Teres 1 Tingkat Rumah Teres 2 Tingkat	71	Perjanjian Usahasama telah ditandatangani pada 11 Disember 2020. Dalam proses kelulusan Kebenaran
2.	Perumahan Taman Saujana Utama Jerantut di atas sebahagian tanah 56.465 ekar	Rumah Teres Kos Rendah Rumah Teres Kos Sederhana Rendah Rumah Teres Rumah Berkembar Rumah Sesebuah	300	Tarikh tamat untuk Pemaju-Pemaju Hartanah mengemukakan Kertas Cadangan Projek kepada PKNP adalah pada 31 Disember 2020
3.	Perumahan Berchang, Lipis 11.105 ekar	Rumah Teres Kos Sederhana Rendah Rumah Teres Rumah Berkembar Rumah Sesebuah	93	Tarikh tamat untuk Pemaju-Pemaju Hartanah mengemukakan Kertas Cadangan Projek kepada PKNP adalah pada 31 Disember 2020.
4.	Perumahan Muadzam Shah - Uniten 10.38 Ekar	Rumah Sesebuah 1 Tingkat	30	Projek ditangguhkan

2.3 Projek Sosio-Ekonomi / Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK)

Bagi meneruskan agenda pembangunan negara bagi tahun 2020, PKNP telah meneruskan pelaksanaan pembangunan dua (2) projek di bawah geran peruntukan daripada Kerajaan Pusat melalui Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) yang mana telah diluluskan pada tahun 2018 dan kini dipantau oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Status projek-projek tersebut sehingga Disember 2020 adalah sepertimana berikut :-

Bil	Cadangan Projek	Komponen/ Jenis Pembangunan	Unit	Status 2020
1.	Kedai Desa Rakyat Kuala Kerdau	Kedai 1 1/2 tingkat	6	Projek dalam pembinaan dan kemajuan fizikal projek sehingga Disember 2020 telah mencapai 100% dan dalam proses mendapatkan CCC



6 Kedai Desa Rakyat Kuala Kerdau mula dibina pada 27 Mei 2019 dan dijangka siap pada Mei 2021

2.	Bengkel Rakyat Beserah	Bengkel	4	Projek dalam pembinaan dan kemajuan fizikal projek sehingga Disember 2020 telah mencapai 100% dan dalam proses mendapatkan CCC
----	------------------------	---------	---	--



Bengkel Rakyat Beserah telah memberikan platform kepada penduduk setempat untuk menjalankan aktiviti perniagaan

2.4 Projek Sosio-Ekonomi/Projek Khas Bawah Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM)

Pada tahun 2020 juga terdapat projek-projek yang diluluskan peruntukan kepada PKNP oleh EPU, JPM iaitu Projek PRE Prihatin. Di samping itu, projek-projek yang sebelum ini diluluskan peruntukan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) pada 2019 kini juga dipantau oleh EPU iaitu Projek Kecil Berimpak Tinggi. Pelaksanaan Projek PRE Prihatin dan Projek Kecil Berimpak Tinggi ini adalah di bawah penyelarasan PKNP dan jumlah projek adalah seperti berikut :-

Bil	Nama Projek	Bilangan Projek	Jumlah Peruntukan Diluluskan
1.	Projek PRE Prihatin	4	2.6 juta
2.	Projek Berimpak Tinggi	77	51.3 juta

3.0 SEKTOR PEMBANGUNAN KOMUNITI DAN KEUSAHAWANAN

3.1 Prestasi 2020

Bahagian PKK lebih memfokus kepada golongan sasaran seperti penyewa premis perniagaan, usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan usahawan bimbingan PKNP. Berikut adalah prestasi pelaksanaan projek bagi tahun 2020 :-

a. Program Transformasi Keusahawanan PKNP

Covid-19 telah melanda seluruh dunia dan kebanyakan perniagaan telah terjejas susulan pandemik ini. Tidak terkecuali kepada usahawan-usahawan bimbingan PKNP. Beberapa program telah dilaksanakan seperti Coaching & Monitoring (Master Your Own Business) bagi mendapatkan maklum balas dari usahawan-usahawan PKNP.

b. Latihan Keusahawanan

Bahagian Pembangunan Komuniti & Keusahawanan telah menggiatkan lagi aktiviti pembangunan keusahawanan yang dilaksanakan melalui kerjasama pihak luar ataupun anjuran PKNP sendiri. Susulan daripada pandemik Covid-19 hanya 3 Program anjuran PKNP dan 7 Program dengan anjuran kerjasama pihak luar telah dilaksanakan. Program-program ini adalah berbentuk kursus, bengkel keusahawanan, 'Pocket Talk', sesi perbincangan peluang niaga secara atas talian dan bersemuka (fizikal).



Sesi taklimat Program Tunas Usahawan Belia Bumiputra (TUBE) oleh Puan Nadia binti Yusof, Pengarah SME Corp Pahang yang diadakan secara kerjasama dengan pihak PKNP

d. Program Pembangunan Komuniti

Beberapa program secara kolaborasi telah dilaksanakan secara bersama dengan agensi dan NGO yang terlibat dalam melatih komuniti menjalani kemahiran khususnya bidang keusahawanan antaranya seperti Jabatan Perikanan Negeri Pahang, KEMAS, MyNIC Berhad dan KPLB serta pelajar-pelajar UPM.

d. Program Pembangunan Akuapreneur Muda

PKNP telah meneruskan program akuapreneur muda PKNP kepada belia-belia yang berminat sekitar Kuantan dan Pekan. Bimbingan berkala diberikan di tapak penternakan dan pembiakan benih lobster air tawar.

3.2 Rumusan

Pada tahun ini beberapa program terpaksa ditangguhkan dan dibatalkan disebabkan wabak Covid-19 yang melanda dunia. Sebanyak 10 program yang dapat dilaksanakan yang melibatkan lebih 400 penyertaan melalui penganjuran PKNP dan juga penganjuran bersama rakan strategik, NGO dan kerajaan Negeri Pahang yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM 1,750.00. Bimbingan dan penganjuran program keusahawanan lebih tertumpu secara atas talian.



Program Pocket Talk Keusahawanan Digital diadakan pada bulan Ogos 2020

Program Anjuran PKNP (Program Transformasi Keusahawanan PKNP)

Bil	Program	Tarikh	Penyertaan
1.	Program Akuapreneur PKNP	19 Feb 2020	10
2.	Sesi Pocket Talk & Perkongsian Program Tunas Belia Bumiputera (Tube) 7.0	6 Mac 2020	35
3.	Program MYOB 'Tindakan & Halatuju Perniagaan Pasca Covid-19	23 Julai 2020	26

Program Kerjasama Dengan Pihak Luar

Bil	Program	Tarikh	Penyertaan
1.	Program Team Building Jabatan Perikanan Negeri Pahang	30 Januari 2020	50
2.	Program 'Pocket Talk' Keusahawanan Digital	15 Ogos 2020	60
3.	Program Usahawan Rintis Alaf 21	10 September 2020	30
4.	Program Usahawan Digital	5 - 6 Oktober 2020	32
5.	Program Quick Win	13 Oktober 2020	14
6.	Program Taklimat Keusahawanan Bersama Peserta Program Tunas Belia Bumiputera (Tube) 7.0	5 November 2020	56
7.	Sesi Webinar - Pembangunan Usahawan	24 November 2020	20

4.0. SEKTOR PELABURAN

Projek-projek yang dilaksanakan pada tahun 2020 di bawah Unit Pemantauan Perniagaan adalah Projek-projek Penswastaan, Perlombongan, Perladangan dan Pelaburan melalui anak-anak syarikat. Projek pelaburan ini memberi sumber pendapatan kepada PKNP sepertimana berikut:

4.1 Penswastaan

Antara Projek-projek Penswastaan yang menyumbang adalah Perlombongan, Perniagaan & Hotel Bajet, Penanaman Kelapa Sawit, Kilang Pemprosesan Serbuk Ikan, dan Ternakan Akuakultur. Projek - projek ini telah menyumbang sebanyak RM 3.19 juta kepada PKNP dalam tahun 2020.

4.2 Perlombongan PKNP

Pada tahun 2020, kutipan bagi projek pelombongan adalah sebanyak RM 2.5 juta dimana ianya melebihi daripada bajet kutipan yang disasarkan sebanyak 115%. Sebanyak tujuh (7) lombong yang sedang aktif beroperasi iaitu (1) satu di Chini, Pekan, (2) dua di Sungai Lembing, Kuantan, (1) satu di Bukit Ibam, Rompin, (1) satu di Sungai Koyan, Lipis, (1) satu di Sungai Temau, Lipis dan (1) di Ulu Lepar, Kuantan.

4.3 Perladangan

Sejajar dengan hasrat PKNP untuk mempelbagaikan aktiviti pelaburannya, bidang pertanian/perladangan kelapa sawit dilihat sebagai salah satu cadangan yang baik berdasarkan keadaan pasaran dan potensi yang ada. PKNP melalui anak syarikatnya PKNP - Agro Tech Sdn Bhd telah diberi tanggungjawab oleh PKNP untuk menguruskan ladang-ladang berikut:

Projek	Lokasi	Keluasan (ek)	Status
Ladang Mukim Ganchong	Ganchong, Pekan	4,770	Tuaian & penyelenggaraan
Ladang Mukim Hulu Tembeling	Sg. Rembir, Jerantut	20,000	Pembersihan & Penanaman
Ladang Rompin	Kg. Sembayan Rompin	1,000	Tuaian & Penyelenggaraan

4.4 Prestasi Anak-anak Syarikat

Tahun 2020 merupakan satu tahun yang telah memberi impak yang besar kepada kesemua anak - anak Syarikat PKNP dimana pandemik Covid-19 telah melanda. Bagi setengah tahun pertama 2020 (Jan-Jun 2020) rata-rata anak syarikat mencatatkan kerugian dalam kewangan syarikat dan telah tersasar daripada bajet tahunan yang asal. Walau bagaimanapun, pada setengah tahun kedua 2020 (Julai - Disember 2020) anak-anak syarikat berjaya mengawal kewangan syarikat dan masih berupaya menampung operasi syarikat. Kesemua anak syarikat juga telah membuat pindaan bajet susulan dari pandemik ini.

Terdapat tiga (3) Anak Syarikat PKNP yang mencatatkan keuntungan pada tahun 2020 iaitu:

1. PKNP Mineral Industries Sdn Bhd - RM 14 ribu
2. PKNP Agro Tech Sdn Bhd - RM 1.9 juta
3. Realistic Attraction Sdn Bhd - RM 25 ribu



Program usahawan dilaksanakan di salah satu fasiliti BCIC Lodge, Kompleks Dagangan Mahkota

PKNP Mineral merupakan anak syarikat yang menguruskan sektor perlombongan, PKNP Agro Tech pula terlibat dalam sektor perladangan sawit, dan Realistic Attraction merupakan syarikat yang terlibat dengan sektor tekstil.

Tiga (3) lagi anak syarikat PKNP seperti Rumpun Timur Sdn Bhd, RT-Development & Engineering Sdn Bhd dan BCIC Holdings Sdn Bhd merupakan syarikat yang terlibat dengan sektor yang berkait rapat dengan impak pandemik iaitu agri business, hartanah, dan juga perkhidmatan penyewaan fasiliti / perhotelan.



Pejabat Realistic Attraction Sdn. Bhd di Kompleks Pengembangan Tenun Pahang Diraja Sultan Haji Ahmad Shah (RASB)



Tenun Sarung Labuh, Kain Sampin Tenun, Tali leher Tenun dan Peitup Muka Tenun adalah antara produk yang dihasilkan dan dipasarkan oleh RASB

5.0. SEKTOR PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Struktur Organisasi PKNP telah distruktur semula berkuatkuasa 03 Februari 2020 yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif, seorang (1) orang Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, seorang (1) Setiausaha Perbadanan dan tiga belas (13) orang Pengurus Bahagian /Unit.

Sehingga Disember 2020 bilangan anggota pekerja PKNP adalah berjumlah 144 orang dengan pecahan kumpulan perkhidmatan seperti di bawah :

Pengurusan Atasan -1 orang

Kumpulan Pengurusan & Profesional-41 orang

Kumpulan Pelaksana-102 orang

Sepanjang tahun 2020, PKNP telah melantik seramai tujuh (7) orang anggota pekerja baru lantikan tetap dan lantikan anak syarikat. Manakala seramai tujuh(7) orang anggota pekerja telah bersara paksa/pilihan.

Bagi memantapkan pengurusan PKNP serta membuka peluang kerjaya kepada anggota pekerja, seramai 10 orang anggota pekerja telah dinaikkan pangkat dan 8 orang anggota pekerja telah menerima kenaikan pangkat secara Timed-Based berasaskan kecemerlangan.

Berdasarkan laporan penilaian prestasi tahunan 2020, seramai 10 orang anggota pekerja telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan dua orang anggota pekerja menerima Insentif Perkhidmatan 25 Tahun pada Majlis Persaraan dan Penghargaan Anggota Pekerja PKNP.



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang PKNP diadakan pada bulan Julai 2020

5.1 Pelaksanaan Kursus & Latihan

Dalam Tahun 2020, sebanyak RM 80,196.84 telah dibelanjakan bagi penganjuran kursus dalaman dan luaran untuk anggota pekerja PKNP. Sebanyak dua kursus dalaman telah diadakan bagi meningkatkan semangat kerja berpasukan serta memperkasa pengetahuan tenaga kerja kumpulan profesional. Fokus diberikan melalui pelaksanaan Kursus Keajaiban Diri bagi memperkasa kerja serta semangat berpasukan serta Kursus Corruption Risk Management (CRM) sebagai salah satu keperluan pelaksanaan Pelan Anti Rasuah PKNP.

Selain itu, bagi memantapkan budaya dan penerapan nilai-nilai murni, Program Tazkirah Ramadan dan Kuliah Tafsir Al-Quran juga diadakan sepanjang tahun di samping sesi perkongsian ilmu telah diatur untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada anggota pekerja berkaitan Pengenalan kepada Pengurusan Lean & Kod Etika PKNP serta Risiko Perniagaan.



Pengurus Unit Perancangan Strategik mengetuai sesi perkongsian ilmu bersama Pegawai-pegawai PKNP

5.2 Kos Rawatan Anggota Pekerja Tahun 2020

Bagi tahun 2020, PKNP telah mengeluarkan perbelanjaan sebanyak RM 173,303.25 secara keseluruhannya merangkumi rawatan Klinik Panel, bayaran Dialisis Yayasan Pusat Hemodialisis/KCDC dan perbelanjaan rawatan di Institut Jantung Negara (IJN) / Hospital dan untuk lain-lain rawatan. Anggota pekerja juga diberi Insentif Insuran dibawah Syarikat Takaful Malaysia Berhad dengan jumlah premium sebanyak RM432,709.30 setahun.

5.3 Mesyuarat Bersama Jabatan

Mesyuarat MBJ PKNP telah berjaya dilaksanakan dari tahun 2009 hingga tahun 2019. Setiap tahun mesyuarat ini dilaksanakan dengan jayanya sebanyak empat (4) kali setahun. Pada tahun 2020, susulan dari pandemik wabak Covid-19, pelaksanaan Mesyuarat MBJ telah ditetapkan sebanyak tiga (3) kali setahun dan PKNP telah berjaya melaksanakannya dengan jayanya.



Mesyuarat MBJ dipengerusikan oleh Encik Mohd Lizam bin Jemail

6.0. SISTEM PENGURUSAN KUALITI

Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) dibangunkan untuk membantu sesebuah organisasi bagi meningkatkan prestasi secara menyeluruh dan menyediakan asas yang kukuh bagi inisiatif pembangunan mampan. Selaras dengan usaha kerajaan, PKNP juga telah melaksanakan SPK sejak tahun 1998 bagi memastikan keperluan pelanggan dipenuhi.

Skop pelaksanaan SPK di PKNP adalah pembangunan dan promosi perindustrian, pembangunan projek komersil, pembangunan projek sosio-ekonomi, pembangunan keusahawanan Bumiputera, pemantauan pelaburan dan perkhidmatan korporat.

Bagi tahun 2020, sebanyak 40 Manual Prosedur Operasi telah dibangunkan dan didaftarkan dalam SPK PKNP. Pemantauan pelaksanaan SPK dilaksanakan melalui Audit Kualiti Dalaman oleh 13 Juruaudit yang terlatih pada 6 - 10 Julai 2020.

PKNP juga berjaya mengekalkan MS ISO 9001:2015 tanpa syarat hasil daripada Audit Persijilan Semula oleh Juruaudit SIRIM yang telah dilaksanakan pada 15 - 16 Oktober 2020.

6.1 Amalan Persekitaran Berkualiti QE/5S

Amalan Persekitaran Berkualiti QE/5S merupakan satu kaedah pengurusan yang dipelopori oleh pihak industri di Jepun bagi mewujudkan persekitaran tempat kerja yang selesa, kemas dan selamat. Amalan 5S bermatlamat mewujudkan persekitaran tempat kerja yang berkualiti secara sistematik dan praktikal.



Ketua Pegawai Eksekutif mempengerusikan mesyuarat Audit Pemantauan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015

Bagi tahun 2020, PKNP masih mengamalkan amalan 5S untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan, menjimatkan kos dan memudahkan proses kerja dengan berkesan. Sebanyak 12 Zon telah diwujudkan yang terdiri daripada Zon Eksklusif, Zon Inovatif, Zon Produktif, Zon Sistematis, Zon Informatif, Zon Progresif, Zon Impresif, Zon Inisiatif, Zon Proaktif, Zon Kondusif, Zon Kreatif dan Zon Agresif.

Bagi memastikan amalan QE/5S dilaksanakan mengikut standards yang ditetapkan, satu audit telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Audit 5S pada 20 - 24 Julai 2020 oleh 7 juruaudit yang berkecuali.

7.0. INOVASI

